

**DRAF TEKS UCAPAN  
TUAN YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI  
SEMPENA  
MAJLIS PECAH TANAH TAMAN REKREASI PBAPP BUKIT D.O  
PADA 11 JANUARI 2013 (JUMAAT)  
JAM 9:00 PAGI**

---

**Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng**

Ketua Menteri Pulau Pinang

**Yang Berhormat Dato' Mansor bin Othman**

Timbalan Ketua Menteri 1

**Yang Berhormat Tuan Prof Dr Ramasamy A/L Palanisamy**

Timbalan Ketua Menteri 2

**Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow**

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas

**Yang B. Dato' Hj Mokhtar bin Mohd Jait**

Pegawai Kewangan Negeri

**Yang Berhormat Puan Chong Eng**

Ahli Parlimen Bukit Mertajam

**Yang Berhormat Tuan Tan Cheong Heng**

ADUN Padang Lalang

**Yang Dihormati Ahli Majlis - Ahli Majlis**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali Bin Hj Mohamud**

Setiausaha Perbandaran Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Ahli-Ahli Lembaga Pengarah PBAPP & PBAHB**

**Yang Berusaha Ir. Jaseni Maidinsa**

Pengurus Besar Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang

Ketua - ketua Jabatan

Rakan - rakan Media

Tuan - tuan dan puan - puan yang dihormati sekalian

.....

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Selamat pagi dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada YAB Ketua Menteri, tuan-tuan dan puan-puan kerana dapat meluangkan masa dan hadir sama ke Majlis Pecah Tanah Taman Rekreasi PBAPP Bukit D.O pada pagi ini.

Untuk makluman Y.A.B Ketua Menteri, YB-YB, tuan-tuan dan puan-puan,

Bukit D.O merupakan salah satu projek dalam program CSR MPSP bersama PBAPP. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada PBAPP kerana telah sudi berganding bahu dengan MPSP dalam menaiktaraf Taman Bukit D.O ini. Tapak Bukit D.O telahpun diwartakan melalui warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebagai taman rekreasi dan Majlis Perbandaran Seberang Perai sebagai agensi penyelenggara.

Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBA) telah bersetuju untuk menaja cadangan pengindahan Taman Rekreasi Bukit D.O ini sebagai projek CSR. Saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Y.A.B Ketua Menteri dan PBAPP kerana kesudian pihak PBAPP untuk mengindahkan dan menyediakan sebuah lagi taman rekreasi untuk penduduk di sekitar Bukit Mertajam.

Projek CSR di Taman Rekreasi PBAPP Bukit D.O telah diumumkan secara rasminya oleh Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng pada 4 Jun 2012.

Projek "Corporate Social Responsibility" yang berkonsepkan taman rekreasi merupakan satu platform kerjasama agensi swasta atau individu dan Kerajaan Negeri bagi menyemarakkan budaya riadah, sukan serta aktiviti dalam

komuniti di mana secara tidak langsung dijadikan asas penting dalam interaksi sosial, hubungan dan ikatan dalam masyarakat.

Taman Rekreasi PBAPP Bukit D.O adalah berkonsepkan “Destinasi Rekreasi Awam Untuk Semua.” Pembangunan di taman ini akan dilaksanakan dalam 2 fasa. Komponen-komponen yang akan dilaksanakan pada Fasa 1 adalah seperti:

1. Menyediakan dan menaiktaraf laluan pejalan kaki / ‘jogging track’ & laluan berbasikal
2. Naiktaraf dewan terbuka
3. Menyediakan tandas baru
4. Menyediakan 100 tempat letak kereta, 1 tempat letak bus dan 100 petak untuk letak motosikal
5. Menyediakan tangki air
6. Menyediakan rumah pam
7. Menyediakan papan tanda

Manakala komponen yang akan disediakan dan dinaiktaraf pada Fasa 2 adalah seperti:

1. ‘Jogging track’
2. ‘Jungle track’
3. Gelanggang serbaguna

4. Tapak senaman terbuka
5. Kemudahan set peralatan senaman
6. Landskap

Projek menaiktaraf Taman Rekreasi PBAPP Bukit D.O ini juga selaras dengan Fokus MPSP 2013 iaitu meremajakan taman-taman awam (*Rejuvenation of Parks*) dan hasrat Kerajaan Negeri iaitu *Cleaner, Greener, Safer and Healthier Penang*. Untuk membentuk komuniti yang sihat, MPSP menjalankan program-program seperti senamrobik, program berbasikal dan pada 20 hb ini MPSP akan merasmikan laluan berbasikal di Taman Bandar Ampang Jajar. Saya berharap penduduk-penduduk di sekitar Bukit D.O juga dapat menjalankan pelbagai program kesukanan atau aktiviti riadah seperti senamrobik, jogging, aktiviti berbasikal di taman ini untuk membentuk sebuah komuniti dan persekitaran yang sihat.

Untuk makluman semua, pada tahun 2012, beberapa projek CSR MPSP telah dijalankan dan siap sepenuhnya iaitu Projek CSR di Taman Tugu Kota Demokrasi Bagan, Vision Park, Bertam, Taman Tunku Seberang Jaya, Bandar Sunway, Seberang Jaya, Bulatan Bandar Perda dan Jalan Baru Perai. Manakala masih terdapat 15 projek CSR yang telah mempunyai penaja dan dalam pelbagai peringkat pelaksanaan.

Sempena dengan Majlis Pecah Tanah pada pagi ini, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk menyeru dan mengalu-alukan penyertaan orang ramai, institusi atau agensi swasta untuk menjalankan projek CSR di 24 lokasi yang telah dikenalpasti oleh MPSP.

Akhir sekali, saya berharap projek ini akan berjalan dengan lancar dan berjayanya. Kemudahan-kemudahan yang disediakan ini diharapkan dapat dijaga dengan baik oleh semua pengguna dan tidak berlaku aktiviti vandalisme. Ucapan jutaan terima kasih kepada PBA Pulau Pinang kerana kesudian PBAPP untuk menaiktaraf Taman Rekreasi PBAPP Bukit D.O.

Dengan itu, saya sudahi dengan Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Sekian, terima kasih.